

 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN	LAMPIRAN B2 GARIS PANDUAN PENYEDIAAN VIDEO PEMBENTANGAN BAGI PERTANDINGAN PROJEK QA KATEGORI LISAN
--	---

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Sila hantar hanya **SATU** video pembentangan sahaja bagi setiap pencalonan yang dihantar.
2. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan video pembentangan yang dihantar boleh dibuka dan dimainkan dengan baik, jelas dari segi audio dan visual, tiada gangguan luar atau elemen lain yang akan menjejaskan rakaman pembentangan.
3. Video pembentangan yang dihantar bagi pencalonan kategori lisan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Video perlulah memaparkan slaid pembentangan dan mengandungi video pembentang (*presenter's camera view*) di salah satu sudut video (*Picture-in-picture* atau *presenter overlay layout*) – **rujuk Rajah 1**.
 - b. Video pembentangan boleh dirakam menggunakan mana-mana platform yang bersesuaian seperti *Microsoft Powerpoint, Zoom, Webex, Google meet, Canva* atau lain-lain.
 - c. Berdurasi tidak melebihi **15 minit**. Video pembentangan melebihi 15 minit tidak akan dinilai.
 - d. Format **.mp4** sahaja.
 - e. Resolusi video: **Full HD resolution 1080p**. Bahan video yang dihasilkan perlu mempunyai kualiti gambar dan audio yang baik serta jelas. Video pembentangan yang tidak dapat dimainkan tidak akan dinilai.
 - f. Fail video perlu dinamakan mengikut format berikut: **<Lisan – Nama penuh pembentang.mp4>**. Contoh: Lisan – ALI BIN ABU.mp4
 - g. **Voiceover** atau pembentangan menggunakan **kecerdasan buatan (AI)** adalah **tidak dibenarkan**.
 - h. Muat naik video di platform Google Drive atau mana-mana storan awan dan sertakan pautan video semasa pendaftaran projek melalui laman sesawang <https://gaconvention.nih.gov.my>. Pastikan tetapan akses bagi pautan tersebut telah diberikan kepada pihak urus setia melalui e-mel gasecretariat@moh.gov.my.

PERTANYAAN LANJUT

4. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak penganjur melalui e-mel ataupun nombor telefon:

Pembentangan Lisan:

Dr. Nurhayati Shaharuddin
(gasecretariat@moh.gov.my)
Tel: 03-3362 8539



Rajah 1: Contoh paparan video pembentangan yang mengandungi slaid pembentangan dan video pembentang (*presenter's camera view*)